

MINGGU 04

RUKUN HAJI: SA'IE, BERCUKUR/BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemaburran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَيِّكَ اللَّهُمَّ لَبَيِّكَ لَبَيِّكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيِّكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
 Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
 menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
 datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
 dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
 Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

- 1 Memahami pengertian, syarat-syarat sah Sa'ie serta amalan-amalan sunat ketika melaksanakan Sa'ie.**
- 2 Memahami maksud bercukur/bergunting, waktu pelaksanaan dan juga tatacara bercukur/bergunting.**
- 3 Memahami maksud tertib pada kebanyakan rukun.**

ISI KANDUNGAN

1

Rukun Haji 4: Sa'ie

- ▶ Pengertian Sa'ie
- ▶ Syarat Sah Sa'ie
- ▶ Amalan Sunat Sa'ie

2

Rukun Haji 5: Bercukur atau Bergunting

- ▶ Pengertian
- ▶ Waktu
- ▶ Tatacara

3

Rukun Haji 6: Tertib pada kebanyakan rukun

TABUNG HAJI
جِلْمَالِيَّة

Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

RUKUN HAJI 4: SA'IE

RUKUN HAJI 4: SA'IE

PENGERTIAN SA'IE

Sa'ie adalah berjalan ulang-alik 7 kali di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah menurut syarat-syaratnya.



Bukit Safa

Bacaan sepanjang lampu hijau:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

"Wahai Tuhanmu, ampunilah dan rahmatilah, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mulia."

MINGGU

04

Rukun Haji: Sa'ie, Bercukur/Bergunting & Tertib Pada Kebanyakan Rukun

06

RUKUN HAJI 4: SA'IE

BUKIT SAFA (TEMPAT PERMULAAN SA'IE)

MINGGU
04

Rukun Haji: Sa'ie, Bercukur/Bergunting & Tertib Pada Kebanyakan Rukun

07

RUKUN HAJI 4: SA'IE



BUKIT SAFA (TEMPAT PERMULAAN SA'IE)

MINGGU
04

Rukun Haji: Sa'ie, Bercukur/Bergunting & Tertib Pada Kebanyakan Rukun

08

RUKUN HAJI 4: SA'IE

SAFA START
شروع صفا

BUKIT SAFA (TEMPAT PERMULAAN SA'IE)



MINGGU
04

Rukun Haji: Sa'ie, Bercukur/Bergunting & Tertib Pada Kebanyakan Rukun

09

RUKUN HAJI 4: SA'IE



Laluan kerusi roda Sa'ie dari
Bukit Safa ke Bukit Marwah

KAKI BUKIT SAFA MENUJU KE BUKIT MARWAH

RUKUN HAJI 4: SA'IE



1. Lampu hijau (sunat bagi jemaah Haji lelaki untuk berlari-lari anak).
2. Lampu hijau terdapat di laluan antara:
 - ▶ Bukit Safa ke Bukit Marwah, dan
 - ▶ Bukit Marwah ke Bukit Safa.

RUKUN HAJI 4: SA'IE

BUKIT MARWAH (TEMPAT BERAKHIR SA'IE)



RUKUN HAJI 4: SA'IE



Laluan kerusi roda Sa'ie dari Bukit Marwah ke Bukit Safa

KAKI BUKIT MARWAH MENUJU KE BUKIT SAFA

RUKUN HAJI 4: SA'IE

SYARAT SAH SA'IE

1

Dilakukan selepas Tawaf yang sempurna sama ada selepas mengerjakan Tawaf Qudum untuk Haji (Ifrad/Qiran) dan Tawaf Ifadhah (Tamattu').

2

Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.

3

Cukup 7 kali berulang-alik dengan yakin.

4

Hendaklah sampai ke penghujung tempat Sa'ie di kaki Bukit Marwah dan di kaki Bukit Safa pada setiap pusingan.

5

Hendaklah melakukan Sa'ie di tempat yang telah ditetapkan.

6

Mengekalkan niat Sa'ie.

RUKUN HAJI 4: KIRAAN SA'IE

KIRAAN SA'IE


Bukit Marwah ke Bukit
Safa dikira 1



RUKUN HAJI 4: SA'IE


KIRAAN SA'IE

Kawasan bertanda lampu hijau



SAFA
(MULA)

MARWAH
(TAMAT)



RUKUN HAJI 4: SA'IE

- ▶ Kawasan tempat laluan untuk pengguna kerusi roda membuat pusingan dari kaki Bukit Safa ke kaki Bukit Marwah telah dikira satu kali (tidak perlu memanjat ke kawasan tinggi).
- ▶ Jemaah yang berhenti minum air zamzam ketika Sa'ie digalakkan agar mengundur sedikit dari tempat berhenti (minum air zamzam) sebelum menyambung kembali Sa'ie.
- ▶ Tidak ada i'tikaf/solat tahiyyah al-masjid di kawasan Sa'ie kerana ia bukan kawasan masjid. Wanita haid boleh berada di kawasan Sa'ie (antara Bukit Safa dan Bukit Marwah).
- ▶ Tidak ada Sa'ie sunat.
- ▶ Tidak ada solat sunat Sa'ie.



RUKUN HAJI 4: SA'IE

AMALAN SUNAT SA'IE

Masuk ke tempat Sa'ie melalui pintu Safa (Bab al-Safa)

Sa'ie dalam keadaan berwuduk

Menghadap ke arah Kaabah sambil bertakbir (takbir 3 kali), berdoa semasa berada di Bukit Safa dan Bukit Marwah

Melakukan raml (berlari-lari anak) di kawasan yang bertanda lampu hijau (lelaki sahaja)

Berjalan kaki dengan perlahan-perlahan dan tenang

Berdoa, berzikir dan membaca al-Quran

- 1 Dilaksanakan sejurus selepas mengerjakan Tawaf (muwalat antara Sa'ie dan Tawaf)
- 2 Menaiki Bukit Safa dan Bukit Marwah bagi lelaki sahaja
- 3 Muwalat (berturut-turut) antara pusingan Sa'ie
- 4 Beridhtiba' bagi lelaki
- 5 Mengelak kesesakan di tempat Sa'ie. Jika berlaku kesesakan di tempat Sa'ie, elakkan daripada menyakiti orang lain
- 6 Suci daripada hadas kecil dan besar serta menutup aurat
- 7 Berdoa, berzikir dan membaca al-Quran
- 8 Berjalan kaki dengan perlahan-perlahan dan tenang
- 9 Melakukan raml (berlari-lari anak) di kawasan yang bertanda lampu hijau (lelaki sahaja)
- 10 Menaiki Bukit Safa dan Bukit Marwah bagi lelaki sahaja
- 11 Dilaksanakan sejurus selepas mengerjakan Tawaf (muwalat antara Sa'ie dan Tawaf)
- 12 Muwalat (berturut-turut) antara pusingan Sa'ie

RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:
 قَالَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ اللَّهُمَّ ارْحَمِ الْمُحَلِّقِينَ
 قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: اللَّهُمَّ ارْحَمِ الْمُحَلِّقِينَ
 قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: اللَّهُمَّ ارْحَمِ الْمُحَلِّقِينَ
 قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: وَالْمُقَصِّرِينَ

Daripada Abdullah Bin ‘Umar R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Ya Allah, rahmatilah orang-orang yang bercukur (kepala).”

Para sahabat bertanya: “**Dan orang yang memendekkan rambut, wahai Rasulullah?**”

Baginda bersabda: “**Ya Allah, rahmatilah orang-orang yang bercukur (kepala).**”

Mereka bertanya lagi: “**Dan orang yang memendekkan rambut, wahai Rasulullah?**”

Baginda bersabda: “**Ya Allah, rahmatilah orang-orang yang bercukur (kepala).**”

Mereka bertanya lagi: “**Dan orang yang memendekkan rambut, wahai Rasulullah?**”

Baginda menjawab: “**Dan orang yang memendekkan rambut.**”

- Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

Bercukur atau bergunting bermaksud menanggalkan atau mengugurkan sekurang-kurangnya tiga (3) helai rambut di kepala dengan menurut syarat-syarat sahnya:

- ▶ masuk waktu bercukur atau bergunting.
- ▶ bercukur/bergunting rambut di kepala.
- ▶ sunat bergunting sekurang-kurangnya 3 helai rambut sekadar seruas jari.



Waktu bercukur atau bergunting:

- ▶ Bermula selepas separuh malam 10 Zulhijjah.
- ▶ Tidak ada waktu luput untuk melakukannya.



Pada malam
10 Zulhijjah

RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

PERHATIAN

- ▶ Afdhal mencukur/menggunting rambut sendiri terlebih dahulu sebelum melakukannya untuk orang lain.
- ▶ Hujung rambut juga dikira sah untuk digunting.
- ▶ Bagi jemaah haji lelaki yang botak licin (tidak berambut di bahagian kepala) sunat melalukan mata pisau di atas kepala.
- ▶ Afdhal bercukur/bergunting bagi yang menunaikan Haji selepas melontar 7 biji batu di Jamrah Kubra.
- ▶ Jemaah haji juga boleh bergunting di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai.
- ▶ Boleh mencukur/menggunting sama ada rambut sendiri atau rambut orang lain apabila telah masuk waktunya.



RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

PERHATIAN

- ▶ Jemaah haji wanita perlu menjaga aurat ketika bergunting.
- ▶ Berhati-hati dengan kumpulan yang mengambil kesempatan menggunting rambut jemaah dan mengenakan bayaran yang tinggi.
- ▶ Sekiranya rambut tumbuh walaupun sedikit (*wujud tanda kehitaman di kepala*) wajib dicukur.
- ▶ Jemaah haji yang ingin mendapatkan fadilat bercukur tidak boleh bergunting terlebih dahulu.
- ▶ Bagi yang melakukan umrah terlebih dahulu (*tamattu'*) atau haji terlebih dahulu (*Ifrad*), jika dia mengetahui bahawa rambutnya sempat tumbuh selepas dicukur kali pertama, sunat dicukur rambutnya untuk kedua-duanya (Haji dan Umrah).

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

Tertib pada kebanyakan rukun bermaksud:

1. Mendahulukan niat ihram daripada rukun-rukun yang lain.
2. Mendahulukan wuquf daripada Tawaf Ifadah.
3. Mendahulukan Tawaf daripada Sa'ie.
4. Bagi mereka yang mengerjakan Haji Ifrad dan Haji Qiran, Sa'ie Haji boleh dilakukan selepas Tawaf Qudum iaitu sebelum wuquf dan Tawaf Rukun.
5. Begitu juga bercukur/bergunting boleh dilakukan selepas wuquf apabila telah masuk waktu dan sebelum Tawaf Rukun.

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

1
HAJI
TAMATTU'

- 1. Niat Ihram Haji** 
- 2. Wuquf** 
- 3. Bercukur/Bergunting** 
- 4. Tawaf Haji** 
- 5. Sa'ie Haji** 
- 6. Tertib pada kebanyakan rukun**

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

2
HAJI
TAMATTU'

1. Niat Ihram Haji 
2. Wuquf 
3. Tawaf Haji 
4. Sa'ie Haji 
5. Bercukur/Bergunting 
6. Tertib pada kebanyakan rukun

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

3

HAJI IFRAD
DAN QIRAN

1. Niat Ihram Haji 
2. Sa'ie Haji (Selepas Tawaf Qudum)
3. Wuquf 
4. Bercukur/Bergunting 
5. Tawaf Haji 
6. Tertib pada kebanyakan rukun

RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

4

HAJI IFRAD DAN QIRAN

1. Niat Ihram Haji 
2. Sa'ie Haji (Selepas Tawaf Qudum)
3. Wuquf 
4. Tawaf Haji 
5. Bercukur/Bergunting 
6. Tertib pada kebanyakan rukun

KESIMPULAN

1

Sa'ie adalah rukun haji yang dilakukan selepas tawaf yang sempurna.

2

Bercukur adalah afdal bagi lelaki.


3

Dalam ibadat haji tertib tidak disyaratkan pada kesemua rukun.



DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ حَجَّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلاً صَالِحًا مَقْبُولاً وَتَحْمَارَةً لَنْ تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran*

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.
KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN

*Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbulah*